

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	27 APRIL 2016

## 'Dr M cuba singkir PM untuk laluan Mukhriz'

BH-27/4/2016

**Putrajaya:** Mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamed, seharusnya bersara secara terhormat dan membenarkan anaknya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, berdiri atas kaki sendiri dalam arena politik negara.

Setiausaha Akhbar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Tengku Sariffuddin Tengku Ahmad (**gambar**), dalam satu kenyataan semalam, berkata itulah tindakan sewajarnya, lebih-lebih lagi kerana Mukhriz mendakwa mempunyai sokongan 80 peratus kalangan ahli UMNO.

"Sebenarnya, Dr Mahathir sudah cuba melonjakkan anaknya untuk menerajui pucuk pimpinan tertinggi UMNO meskipun beliau tidak mengakuinya. Pertama, beliau letakkan anaknya bertanding jawatan Naib Presiden UMNO, namun tewas kerana kurang sokongan ahli parti tetapi Dr Mahathir menyalahkan Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Razak).

"Kemudian, Mukhriz dilantik Menteri Besar (MB) Kedah iaitu negeri kelahiran dan kubu kuasa Dr Mahathir, tetapi disingkirkan kerana tiada sokongan anggota parti. Sekali lagi Dr Mahathir menyalahkan Perdana Menteri.

"Hakikatnya, jika betul dakwaan Mukhriz bahawa beliau mempunyai sokongan 80 peratus kalangan ahli UMNO, sudah tentu tiada masalah untuknya menjadi Naib



Presiden UMNO dan kekal sebagai MB Kedah," katanya.

Tengku Sariffuddin menganggap perbuatan Dr Mahathir yang cuba menyingkirkan Perdana Menteri semata-mata untuk manfaat anaknya sebagai sudah melampau termasuk penipuan mengenai kehilangan RM42 bilion daripada 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

### Serangan ibarat 'guruh tanpa petir'

Tambahan pula, katanya, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) membuktikan serangan Dr Mahathir terhadap Perdana Menteri hanya ibarat 'guruh tanpa petir' atau omong kosong.

"Inilah sebabnya Dr Mahathir hilang sokongan UMNO, sehingga terpaksa meninggalkan UMNO dan cuba meraih sokongan masyarakat Cina menerusi pembangkang apabila bersekongkol dengan Lim Kit Siang, yang pernah beliau sendiri penjarakan sebelum ini.

"Dr Mahathir hanya perlu menamakan siapa beliau ingin calonkan sebagai Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Bagaimana seseorang yang mahu menarah dan menentukan semua perkara boleh mengelak menjawab soalan kritikal ini.

"Dr Mahathir tidak boleh terus menyalahkan orang ramai kerana mempercayai kegagalannya menyingkirkan Perdana Menteri ada kaitan dengan usaha melonjakkan anaknya (untuk menerajui UMNO dan negara)," katanya.